



Pelajar tunai tanggungjawab pilih perwakilan dalam pilihan raya kampus

Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memilih calon Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2015/2016 yang diadakan pada 7 Oktober 2015 yang lalu berjalan lancar apabila pelajar masing-masing turun padang memilih calon mereka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin yang ditemui selepas mengumumkan keputusan PRK berkata, proses pemilihan kali ini berjalan lancar dengan 27 kerusi dipertandingkan.

Daripada 27 kerusi yang dipertandingkan itu, sebanyak sembilan kerusi adalah kerusi umum dan lapan belas kerusi fakulti. Beliau berkata, 14 calon pelajar diisytiharkan menang tanpa bertanding selepas tiada persaingan bagi merebut kerusi MPP.

"Sesi pemilihan masih menggunakan

e-Voting sepertimana yang telah kita gunakan sejak 2003 sememangnya memudahkan proses pengundian dengan mendapatkan keputusan yang segera.

"Para pelajar yang keluar memilih pencalonan seawal jam 9.00 pagi berakhir jam 5.00 petang dan telah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan," kata Profesor Dato' Dr. Yuserrie.

Antara pemenang iaitu Mohammad Hafizuddin Rasid, Che Abdul Hafiz Che Yahya dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) manakala Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dimenangi Nooratikah Abdul Razak dan Thor Kait Wei.

Bagi Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dimenangi oleh Amalinna Izweena Mohamed Rawi dan Lee KUan Hui serta Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dimenangi oleh Muhammad Ameen Abdul Azis dan Anja Fahsya Nasrun Adil.

Sementara itu bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) dimenangi oleh Nor Adihan Nor Azman dan Nur Nadzirah Ahmad Ridzuan manakala Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pula dimenangi oleh Muhammad Zakuan Abdul Rahman dan Nurul Najihah Najlaa Noor Hamdan dan Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dimenangi oleh Fauziah Abdul Rahman dan Foo Weng Kar.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) pula dimenangi oleh Norhaida Wati Mamat dan Muhammad Izzat

Izzuddin Naïmullah Hassim dan bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dimenangi oleh Che Ahmad Fathi Che Mohamad dan Mohammad Redzuad Ras Abdul Rask.

Pilihan raya kampus UMP berlangsung dalam suasana aman dan terkawal apabila seramai 42.6 peratus pelajar hadir mengundi memilih barisan kepimpinan mahasiswa melibatkan dua pusat undian di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan dan Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

